

CoolBlog lancar siri minuman Tiger King On Fire

KUALA LUMPUR – Jenama minuman terkemuka Malaysia, CoolBlog melancarkan menu minuman terbaharunya iaitu *Tiger King On Fire* di pusat beli-belah Berjaya Times Square di sini semalam.

Pengurus Pemasaran dan Pembangunan Perniagaan CoolBlog, Win Zaidi Zakaria berkata, minuman terbaharu itu menggabungkan keenakan adunan rasa serbuk teh premium bersama mousse keju dan dilengkapkan dengan taburan krim keju yang dibakar.

“Kami sangat berbangga memperkenalkan *Tiger King On Fire* dan saya yakin

perisa baharu ini akan membawa minuman CoolBlog ke peringkat seterusnya serta mendapat sambutan yang lebih hebat.

“Saya juga turut berbangga kerana CoolBlog adalah jenama pertama yang memberi promosi hebat dalam segmen minuman berasaskan gula perang atau *tiger brown sugar* ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika majlis pelancaran minuman itu yang diselenggarakan oleh Pengarah Bahagian Francais Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Shamsuzaman Sulaiman.

Diinspirasikan dan diberi

nafas baharu, *Tiger King On Fire* oleh CoolBlog didatangkan dalam empat perisa iaitu *Fire Tiger King*, *Fire Red Tiger*, *Fire Thai Tiger* dan *Fire Green Tiger*.

Tambah Win Zaidi, untuk kali ini CoolBlog turut membawakan elemen tanggungjawab sosial korporat yang mana sebahagian daripada hasil jualan minuman baharu itu akan didermakan kepada sebuah badan bukan kerajaan yang terlibat dalam usaha menyelamatkan spesies dan habitat harimau Malaya yang semakin pupus di negara ini.

“Dersempena pelancaran ini juga, CoolBlog turut mengajurkan cabaran ta-

rian melalui aplikasi Tik Tok yang diberi nama #FTK-DanceChallenge.

“Mereka yang berminat untuk mengambil bahagian perlu membeli mana-mana perisa minuman baharu ini sebelum memuat naik video tarian menggunakan lagu rasmi *Fire Tiger King* dan perisa yang mendapat undian tertinggi berpeluang memenangi hadiah wang tunai,” katanya.

SEORANG kakitangan CoolBlog menunjukkan rangkaian minuman terbaharu syarikat itu, *Tiger King On Fire* pada majlis pelancaran di Kuala Lumpur semalam.

